

Keusahawanan mampu menjadi pemangkin perubahan ekonomi negara



YANG MULIA Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama merangkap Ahli Kehormat WAAG Brunei Darussalam semasa berucap, seterusnya merasmikan kursus tersebut.

GADONG, Isnin, 14 Disember. - Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan 2020 bagi alumni Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam merupakan antara platform ke arah menyokong merealisasikan Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam menjayakan matlamat untuk membangunkan ekonomi negara berdaya tahan.

Dalam situasi pasaran pekerjaan yang begitu mencabar, bidang

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

keusahawanan perlu diberikan penekanan dan perhatian oleh para belia yang sedang mencari pekerjaan untuk diteroka kerana bidang ini memberikan peluang pekerjaan yang begitu luas kepada mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar merangkap Ahli Kehormat WAAG Brunei Darussalam, menekankan perkara tersebut, dalam ucapannya selaku tetamu kehormat, pada Majlis Perasmian kursus berkenaan, di Dewan Auditorium, UNISSA.

Beliau menjelaskan, sudah tiba masanya untuk semua pihak menyedari bidang keusahawanan itu mampu menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara.

"Perubahan dan perkembangan ini tidak hanya terhad kepada peningkatan kadar per kapita pengeluaran dan pendapatan, tetapi lebih dari itu keusahawanan mampu merubah struktur perniagaan dan melahirkan masyarakat produktif, kreatif dan inovatif," ujarnya.

Beliau menambah, keusahawanan walaupun pada tahap yang kecil merupakan satu langkah positif dalam membina kejayaan di kemudian hari.

Dalam pada itu, beliau menyeru para peserta kursus yang bakal

menjadi usahawan berjaya suatu hari nanti untuk sentiasa berhati cekal dan tabah juga tidak mengendahkan atau melayani rasa putus asa yang hadir dalam diri mereka ketika berhadapan dengan sebarang masalah.

"Tiada kejayaan gemilang para usahawan ternama yang dirakam sejarah tanpa mereka melalui pelbagai dugaan, namun dengan ketabahan dan tanpa mengenal erti mengalah, mereka terus bangun melangkah dan akhirnya mereka beroleh kejayaan," katanya.

Kecekan dalam menghadapi segala cabaran ini juga, jelas beliau, perlu disertai semangat cinta kepada ilmu.

"Sentiasalah menambah segala ilmu di dada kerana ilmu berkenaan akan menjaga kita dan dengannya kita tahu mengurus perniagaan yang kita bina dan teras kepada semua ini ialah keikhlasan bekerja yang ditanam sebagai pasak dalam menjalankan dan mengembang majukan setiap langkah usaha kita," katanya.

Beliau turut mengingatkan para peserta untuk berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan bertawakal kepada-Nya memohon supaya segala usaha yang dilakukan akan memperoleh kejayaan yang merupakan etika keusahawanan Islam yang sejati.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, seterusnya

menyempurnakan perasmian kursus tersebut.

Seramai 34 peserta, terdiri daripada alumni ketiga-tiga buah persatuan berkenaan yang belum bekerja mengikuti program yang diadakan selama enam hari, bermula hari ini hingga 19 Disember nanti.

Fasilitator-fasilitator bagi kursus ini, antara lain terdiri daripada Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam UNISSA, Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Dekan Fakulti Syariah

KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar; juga wakil-wakil daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Darussalam Enterprise (DARE), Bank Usahawan juga StartUP Brunei.

Kursus tersebut diharap akan dapat meningkatkan motivasi dan memberikan pengalaman mengenai elemen asas dalam budaya keusahawanan kepada para peserta, selain peluang menjalankan perniagaan kepada peserta berpotensi.



PARA peserta yang mengikuti Kursus Asas Muamalat dan Keusahawanan 2020 bagi alumni UNISSA, KUPU SB dan Rabithah Antarabangsa Alumni Universiti Al-Azhar (WAAG) Brunei Darussalam.

COVID-19 : Catat sifar kes baharu

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 14 Disember. - Negara Brunei Darussalam (NBD), alhamdulillah terus mencatatkan sifar kes baharu COVID-19, setakat jam 12.00 tengah hari ini.

Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di negara ini, masih kekal sebanyak 152 kes.

Dalam Siaran Akhbar Kementerian Kesihatan memaklumkan, setakat ini, NBD mencatatkan 222 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei lalu.

Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 11 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan, satu kes aktif dicatat mendapatkan rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan ketika ini, di mana ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini, seramai 148 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 691 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 9,326 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kesihatan

24 jam lalu, sebanyak 285 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 79,523 ujian.

Untuk maklumat lanjut

dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu www.moh.gov.bn atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.

Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	152		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	1	3	148

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (222 hari yang lalu)	11 Kes

Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
691	9,326

Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
285 sampel	79,523

Nasihat untuk WARGA EMAS semasa jangkitan COVID-19

Etika Batuk & Bersin

- 1 Ketika hendak batuk atau bersin, palingkan muka abiskita daripada orang lain dan makanan yang berdekatan
- 2 Tutup mulut dan hidung abiskita dengan tisu
- 3 Segera buang bekas tisu ke dalam tong sampah yang bertutup
- 4 Elakkan menyentuh muka, hidung atau mulut abiskita
- 5 Cuci tangan dengan sabun dan air yang bersih selama 20 saat
- 6 Jika abiskita mengalami demam, batuk dan selsema - gunakan penutup mulut dan hidung untuk melindungi orang sekeliling

Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148